



SIARAN MEDIA **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

“PENGAGIHAN DIVIDEN TAHUN 2017 **SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL 1MALAYSIA”**

1. **Kuala Lumpur, 29 Januari 2018** – PTPTN mengadakan **pengumuman dividen Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) Tahun 2017** merangkumi dua produk simpanannya iaitu **SSPN1M-i dan SSPN1M-i Plus**, bertempat di Menara PTPTN.
2. **Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSP1M)** adalah **penjenamaan semula** Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang disediakan oleh PTPTN. SSPN1M-i dan SSPN1M-i Plus dahulunya dikenali sebagai SSPN-i dan SSPN-i Plus.
3. Pengumuman dibuat oleh **YB. Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Pengerusi PTPTN**. Turut hadir **YBrs. Encik Wan Ahmad bin Wan Yusoff, Ketua Eksekutif PTPTN, Ahli Lembaga Pengurusan dan Pengurusan Tertinggi PTPTN**.
4. **Kadar dividen SSPN1M bagi tahun 2017** adalah sebanyak **4 peratus**. Pemberian ini melibatkan anggaran peruntukan sebanyak **RM92.56 juta dan akan memberi manfaat kepada lebih 3.2 juta pendeposit SSPN1M**. Sehingga tahun 2016, PTPTN telah pun mengeluarkan sebanyak RM288.6 juta bagi tujuan pengagihan dividen kepada para pendeposit.
5. Kadar 4 peratus dividen SSPN1M tahun 2017 ini adalah **berdasarkan kepada pulangan bersih pelaburan yang telah dibuat atas deposit yang telah diterima oleh PTPTN**. PTPTN masih dapat **mengekalkan kadar dividen SSPN1M yang diberikan seperti tahun sebelumnya** walaupun tahun 2017 merupakan tahun yang mencabar.

6. Pemberian kadar dividen yang kompetitif ini diharap menjadikan SSPN1M lebih berdaya saing dan menarik lebih banyak pembukaan akaun serta penambahan deposit oleh masyarakat Malaysia.
7. Sejak dilancarkan pada tahun 2004 sehingga 31 Disember 2017, sebanyak **3.2 juta akaun SSPN1M** telah dibuka dengan **jumlah deposit lebih RM3.3 bilion**.
8. Selaras dengan hasrat dan pelbagai strategi bertemakan “Tahun 2017 Tahun Penabungan”, PTPTN telah berjaya **melempi sasarani deposit tahun 2017 (RM550 juta) bagi penabungan SSPN1M**. Prestasi penabungan SSPN1M **meningkat sehingga RM727.40 juta pada tahun 2017** berbanding RM544.51 juta pada tahun 2016 (**peningkatan sebanyak 33.59%**). Sebanyak **447,039 akaun baharu** telah dibuka oleh pendepositi pada tahun 2017. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia telah mula sedar tentang kepentingan penabungan untuk pendidikan tinggi. Ini secara tidak langsung memberi petunjuk bahawa masyarakat telah mula membuat **persediaan lebih awal untuk pendidikan anak-anak** yang pada masa akan datang, **mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman** untuk pendidikan tinggi.

Keistimewaan SSPN1M-i

9. **Keunikan produk simpanan PTPTN ini bukan hanya terletak pada dividen semata-mata tetapi produk SSPN1M-i ini turut menyediakan kepelbagaian keistimewaan yang akan dinikmati oleh masyarakat Malaysia yang menabung.**
10. Ibu bapa turut diberikan **pelepasan taksiran cukai pendapatan** sehingga RM6,000 **setahun**. Dengan pelepasan taksiran cukai ini dan juga kadar dividen yang diberikan, **pendepositi SSPN1M-i sebenarnya mendapat keuntungan sehingga 28%**.
11. Bagi keluarga yang **berpendapatan tidak melebihi RM4,000 sebulan**, jika anak berjaya ke IPT akan diberikan **geran sepadan sehingga RM10,000** untuk satu **keluarga**. Seterusnya, skim ini juga menjadi pilihan terbaik ibu bapa yang tidak mampu menyediakan takaful pendidikan untuk anak-anak mereka kerana tanpa

perlu membuat simpanan secara bulanan skim ini masih menyediakan perlindungan takaful secara percuma.

Keistimewaan SSPN1M-i Plus

12. Bagi produk **SSPN1M-i Plus** pula menawarkan enam (6) pakej simpanan dengan komitmen bulanan serendah RM30 sebulan iaitu hanya RM1 sehari yang bukan sahaja untuk simpanan semata-mata, tetapi juga mempunyai perlindungan takaful yang komprehensif, dengan sumbangan premium yang murah. Keunikan produk ini bukan hanya terletak pada keistimewaan yang ditawarkan **SSPN1M-i**, iaitu pelepasan taksiran cukai pendapatan, dividen yang kompetitif, layak memohon pinjaman PTPTN, simpanan dijamin Kerajaan serta patuh syariah, tetapi apa yang lebih menarik adalah manfaat takaful yang akan dinikmati oleh mereka yang membuat tabungan.
13. Sejak dilancarkan pada 8 Jun 2015, **pembukaan akaun SSPN1M-i Plus** adalah sebanyak **182,396 akaun** dengan jumlah **deposit terkumpul sebanyak RM69.6 juta** (RM18.6 juta bagi sumbangan takaful) dengan jumlah **manfaat perlindungan takaful sehingga RM8.3 bilion** direkodkan sehingga 31 Disember 2017.
14. Manfaat takaful yang akan dinikmati adalah **manfaat bagi kematian/ ilat kekal menyeluruh akibat kemalangan sehingga RM1 juta**, manfaat bagi 36 penyakit kritikal, elaun harian kemasukan hospital sehingga RM200 sehari, khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan maksimum 3 orang anak, perlindungan 24 jam di seluruh negara dan pelan ini tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan (hanya perlu menjawab soalan kesihatan bagi mereka yang memilih pakej Berlian). Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak **438 tuntutan** yang melibatkan pelbagai kes dengan amaun **RM1.2 juta** telah berjaya diselesaikan.

Harapan dan Insentif 2018

15. **SSPN1M** merupakan **skim simpanan pendidikan yang sewajarnya dimiliki oleh setiap isi rumah** kerana ia bukan hanya simpanan semata-mata tetapi turut menawarkan pelbagai **keistimewaan dan manfaat yang baik dan menyeluruh** untuk warganegara Malaysia.

16. **Ibu bapa daripada pelbagai kategori pendapatan dan bangsa** perlu mempunyai **akaun SSPN1M untuk setiap anak-anak** mereka kerana **penabungan dan perancangan kewangan** merupakan **dimensi penting** dalam pendidikan tinggi negara bagi **mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan. SSPN1M juga merupakan produk simpanan yang dijamin oleh Kerajaan.**

17. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia** semasa pembentangan **Belanjawan Negara 2018** pada 27 Oktober 2017 yang lalu turut mengumumkan bahawa **Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM500 dalam akaun SSPN1M kepada warganegara Malaysia berumur 7 hingga 12 tahun.** Ini bermakna **bermula 1 Januari 2018** mana-mana **ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan sama ada melalui pembukaan akaun baharu atau penambahan deposit akaun sedia ada untuk anak-anak** mereka akan menerima **tambahan keistimewaan Insentif Khas Geran Sepadan iaitu deposit percuma bernilai RM500. Ia terhad kepada 500,000 akaun terawal.**

18. Sebagai **sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, PTPTN** yang merupakan **Tabung Pendidikan utama negara** turut **memperkasakan revolusi industri ke arah pengoperasi secara tanpa tunai atau *cashless*** bagi tujuan **pembukaan dan penambahan akaun SSPN1M ini. Masyarakat Malaysia hanya perlu membuka akaun SSPN1M dengan begitu mudah hanya di hujung jari secara *online* di www.sspn1m.com.**

19. Oleh itu, mulakanlah **penabungan SSPN1M secara konsisten dan berterusan di www.sspn1m.com untuk masa depan anak-anak** dan fikirkan lah **'dividen' masa depan mereka dari segi pendidikan. Simpan, simpan, simpan. Jaminan masa depan.**